

# PM amal diplomasi Islam

UM 28 MAY 2002

Oleh AZIZ ISHAK  
(WARTAWAN UTUSAN)

**K**ETIKA menyampaikan Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di ibu negara pada 8 Mei lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah membayangkan strategi beliau untuk membantu rakyat Palestin daripada penindasan Israel.

Antara inti pati kepada syarahan tersebut ialah dengan berusaha mengurangkan musuh Palestin sebaliknya mendapatkan sokongan serta simpati masyarakat antarabangsa tidak kira kuasa besar atau agama lain.

Beliau juga mahu sasaran kemarahan dan kebencian ditumpukan hanya kepada Israel dan tidak kepada pihak lain seperti Kristian bahkan kepada masyarakat Yahudi di luar Israel.

Usaha pertama beliau selepas majlis syarahan itu ialah pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush pada 14 Mei lalu. Seperti yang dijanjikan, Perdana Menteri tidak melupakan isu Palestin.

mua negara Islam bersatu baru mahu mengambil tindakan bersama yang mungkin sudah lewat untuk Palestin.

Perdana Menteri juga telah mengutus surat kepada pemimpin-pemimpin negara Eropah dalam isu Palestin, yang pemimpin negara Islam lain rasanya tidak lakukan.

Menerusi strategi terbarunya ini, Dr. Mahathir mahu melobi semua pihak berpengaruh dan berkaitan supaya usaha membantu Palestin tidak lagi sekadar bersentimenkan emosi, yang matlamatnya belum jua tercapai biarpun dengan tindakan bersiri pengebom berani mati.

Dr. Mahathir bukanlah strategis agung seperti Sun Tzu, Niccolo Machiavelli, Attila the Hun, Miyamoto Musashi atau Napoleon Bonaparte. Tetapi apa yang menarik ialah Dr. Mahathir sebenarnya seorang yang kuat mengamalkan pemikiran strategik.

## Berharga

Mengimbas kata-katanya: "Kita harus tahu kekuatan musuh dan jua menge-

orang asing untuk menumbangkan kerajaan Islam yang diterajui oleh Barisan Nasional (BN).

Malah ada pemimpin pembangkang yang berlabel Islam memohon bantuan Barat dengan mengunjungi kedutaan-kedutaan asing pada tahun 1998 dan diikuti kunjungan ke beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Britain dan Australia bagi tujuan yang sama.

Maka sebarang usaha untuk mempolitikkan pertemuan Perdana Menteri dengan Pope hanya akan mencerminkan kelemahan pembangkang dan memakan diri selain kegagalan memahami Islam sebagai agama sejagat.

Umat Islam di negara ini baru sahaja menyambut Maulidur Rasul dan sememangnya Nabi Muhammad s.a.w meninggalkan begitu banyak pedoman dan contoh baik yang harus diteladani.

Salah satu daripadanya ialah diplomasi Islam, yang mungkin kurang disedari oleh sebahagian umat Islam.

Teori perhubungan antarabangsa dalam Islam menurut Golam W. Choudhury menerusi bukunya *The Prophet*

imuniti biarpun perwakilan itu seorang bukan Islam yang kejam, penipu atau pernah mempunyai rekod membunuh orang Islam semasa peperangan.

Pendekatan itu telah meletakkan asas kepada dasar luar dunia Arab dan lebih penting lagi ialah kepada bidang perhubungan diplomatik antarabangsa.

Nabi Muhammad juga sentiasa di hadapan dalam mengambil inisiatif mewujudkan hubungan dan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan bukan Islam serta perbincangan dengan pemimpin agama lain.

Semua ini dilakukan oleh baginda dengan berpegang kepada prinsip bahawa Islam adalah agama persaudaraan dan sejagat sementara diplomasi adalah pendekatan terbaik dalam menjayakan konsep ummah.

Menjayakan diplomasi Islam juga adalah jihad bagi memperluaskan silaturahmi di kalangan umat manusia.

Dalam konteks Malaysia, diplomasi Islam telah dirintis oleh kerajaan BN lima dekad lalu dengan kerjasama antara UMNO dan MCA sebelum berkembang

Jika diamati, soal membantu Palestin adalah antara agenda yang Perdana Menteri sedang gerakkan secara diplomasi di peringkat antarabangsa selain membetulkan salah tanggapan terhadap Islam dan menangani punca keganasan selepas insiden 11 September 2001.

Dalam pertemuan dengan Bush, Dr. Mahathir tetap berani bersuara dalam membetulkan orde dunia supaya lebih adil. Amerika Syarikat negara yang paling kuat ketenteraan dan ekonominya menerima pandangan Malaysia bahawa krisis Palestin-Israel perlu diatasi sementara keganasan harus ditangani di peringkat puncanya.

Inilah ikhtiar terbaru Perdana Menteri yang merintis usaha bersendirian dan Malaysia mempunyai reputasi berbuat demikian kerana merupakan negara Islam paling progresif dan sederhana.

Langkah ini nampaknya terpaksa diambil meskipun berdepan dengan banyak hambatan termasuk kegagalan negara-negara Islam khususnya dunia Arab setakat ini untuk bersatu. Lagipun, kepimpinan Islam tidak semestinya berpaksi di dunia Arab yang sebahagian besarnya masih dibelenggu pecah belah, tidak progresif, tahap demokrasi lebih rendah, kurang berorientasikan kecermerlangan dan tiadanya pemimpin berkarisma.

Mesejnya, umat Islam tidak boleh mengeluh dan menunggu sehingga kese-

tahui kelemahan kita." Rumusnya, umat Islam berdepan dengan pihak-pihak bukan Islam yang jauh lebih kuat maka tindakan untuk menangani yang kuat harus dilakukan dengan strategi yang lebih berkesan.

Untuk mengukur kejayaan usaha Malaysia pada peringkat ini adalah terlalu awal kerana diplomasi biasanya memakan masa tetapi kejayaannya jika dicapai, akan lebih berharga.

Kini Perdana Menteri mendapat satu lagi kesempatan apabila beliau menerima jemputan daripada pemimpin tertinggi Katolik, Pope John Paul II untuk melawat Vatican City pada Jun ini.

Dengan persetujuan menerima jemputan tersebut maka Dr. Mahathir yang kebetulan sudah pun mempunyai jadual lawatan kerja ke Eropah dari 9 Jun hingga 12 Jun, boleh membawa sama misi beliau untuk Palestin.

Tiada yang salah apabila pemimpin negara Islam seperti Dr. Mahathir menerima undangan Pope bagi membincangkan pelbagai isu seperti toleransi agama, salah tafsiran terhadap Islam dan keamanan sejagat termasuk isu keganasan.

Seperti pertemuannya dengan Bush, Perdana Menteri tidak akan meminta apa-apa bantuan atau simpati. Tidak akan berlaku keadaan seperti sesetengah pemimpin pembangkang yang meminta bantuan kuasa-kuasa Barat dan

*Muhammad, his life and eternal message* ialah berkisar kepada konsep ummah.

Konsep itu dapat dilihat lebih jelas dalam Perlembagaan Madinah yang diideakan dan dirangka oleh Nabi Muhammad selepas berlakunya peristiwa Hijrah pada 4 September 622M.

Antara asas konsep tersebut kepada pembentukan sebuah negara ialah toleransi, penyatuan, perdamaian dan muafakat antara semua agama dan kaum yang mewujudkan diplomasi di kalangan penduduk Madinah di samping tidak mengabaikan golongan minoriti Yahudi.

## Istimewa

Gagasan itu merupakan contoh diplomasi dalam sebuah negara Islam. Bukan setakat itu sahaja, Rasulullah turut mewujudkan diplomasi antara negara seperti menempatkan wakil seperti ke Parsi, Rom dan China.

Kisah bagaimana baginda merintis hubungan dengan China misalnya turut mendapat penekanan Jawaharlal Nehru dalam bukunya *Glimpses of the World History*.

Pada masa yang sama, Rasulullah menerima perwakilan asing dengan layanan baik dan turut menempatkan mereka di rumah tetamu yang selamat dan istimewa.

Malah duta dan wakil asing semasa zaman kepimpinan baginda diberikan

menjadi Perikatan dan kini dikenali sebagai BN.

## Menerajui

Walaupun UMNO ditempelak oleh parti berlabel Islam kerana bekerjasama dengan parti bukan Islam, rakyat yang kebanyakannya umat Islam tetap menerima pendekatan UMNO yang mahu mengambil semangat dan formula Perlembagaan Madinah.

Bagaimanapun pihak yang menempe- lak itu akhirnya menerima pakai formula tersebut pada pilihan raya 1999 dengan menjalin kerjasama dengan parti bukan Islam seperti DAP, itupun tidak konsisten.

Jelaslah bahawa diplomasi Islam tidak boleh diperkecilkan apatah lagi dipersendakan kerana sikap sedemikian hanya mengundang persepsi yang salah terhadap Islam.

Islam bukan agama untuk umat yang sentiasa dibelenggu pemikiran jumud dan cuma pandai memerhatikan serta membiarkan penganut agama lain menerajui tamadun yang dahulunya Islam pelopori.

Siapa kata sejarah tidak boleh dibetulkan? Menerusi diplomasi Islam, Insha-Allah, kesilapan dan kelemahan lampau boleh dielakkan kerana diplomasi sebenarnya pernah menjadi tradisi kekuatan Islam.